

SOALAN-SOALAN YANG SERING DITANYA TENTANG KOD NOTIS PELANGGARAN JENYAH

Apakah Kod Notis Pelanggaran Jenayah?

Sesuatu Kod Notis Pelanggaran Jenayah adalah Notis yang akan diberi kepada pesalah jenayah ringan yang telah dikenalpasti.

Apakah Kesalahan-kesalahan Tersebut?

Kod Jenayah s378 - Mencuri dimana nilai barang yang dicuri kurang daripada \$500.00

Kod Jenayah s74A(2) - Kelakuan Tidak Senonoh

Berapa banyak yang harus saya bayar?

Penalti yang diubahsuai untuk kesalahan Kod Notis Pelanggaran Jenayah adalah \$500.

Apakah penalti yang telah diubahsuai?

Penalti yang diubahsuai merupakan amaun ditetapkan yang seseorang pesalah yang belum didakwa perlu bayar sekiranya beliau inginkan perkara tersebut diuruskan tanpa melibatkan mahkamah. Penalti yang diubahsuai adalah lebih rendah daripada penalti untuk kesalahan.

Berapakah usia seseorang harus capai untuk mendapati suatu Kod Notis Pelanggaran Jenayah?

Sesuatu Kod Notis Pelanggaran Jenayah boleh dikeluarkan kepada pesalah didakwa yang berusia 17 tahun dan lebih

Mengapa Polis Western Australia kini mengeluarkan Kod Notis Pelanggaran Jenayah?

Undang-undang di bawah Pindaan Kod Jenayah (Notis-notis Pelanggaran) Akta 2011 kini membolehkan Polis Western Australia (WA Police) untuk mengeluarkan pelanggaran sebagai opsyen alternatif untuk menguatkuasa Kod Jenayah dan WA Police harus menguatkuasakan undang-undang. Sebelum ini polis membawa pesalah laku ke stesyen polis untuk dituduh. Proses ini menghalang polis daripada meronda. Dengan mengeluarkan Kod Notis Pelanggaran Jenayah, pegawai-pegawai polis akan terus berada di persekitaran untuk melindungi komuniti dan mengurangkan bilangan jenayah ringan yang dikemukakan ke Mahkamah.

Apa akan berlaku sekiranya saya diberi Kod Notis Pelanggaran Jenayah?

Pegawai yang menyiasat akan berbincang dengan anda tentang insiden dan mengambil butiran anda. Cap jari anda serta fotograf anda (dan mungkin DNA anda) mungkin diambil pada masa yang sama. Jika layak anda akan dinasihati bahawa suatu Kod Notis Pelanggaran Jenayah akan dikeluarkan.

Ini adalah kesalahan pertama saya - adakah saya akan mendapati rekod jenayah akibat dari Kod Notis Pelanggaran Jenayah ini?

Jika ini merupakan kesalahan pertama anda dan pelanggaran tersebut dibayar sepenuhnya, sabitan jenayah tidak akan direkodkan.

Apa akan berlaku jika saya memiliki rekod untuk kesalahan yang sama?

Pengeluaran sesuatu Kod Notis Pelanggaran Jenayah bukan mandatori dan pegawai yang menyiasat akan menggunakan budi bicaranya untuk memastikan tindakan yang paling sesuai untuk insiden tersebut, yang mungkin melibatkan tindakan Mahkamah. Jika pegawai terlibat menentukan bahawa pengeluaran Kod Notis Pelanggaran Jenayah adalah wajar, dan pelanggaran telah dibayar dengan sepenuhnya, tiada rekod jenayah yang akan disimpan untuk kesalahan ini.

Bagaimanakah saya membuat bayaran jika diberi sesuatu Kod Notis Pelanggaran Jenayah?

Opsyen membuat pembayaran akan dicatat pada notis pelanggaran dan termasuk:

- Di kaunter Australia Post
- Melalui internet
- Secara pos
- Menerusi telefon

Apa akan berlaku jika saya tidak membayar pelanggaran sebelum tamat tempoh?

Jika bayaran sepenuhnya tidak diterima dalam masa 28 hari, Notis Terakhir akan dihantar kepada anda dengan kos tambahan. Notis Terakhir harus dibayar dalam tempoh 28 hari daripada tarikh yang tertera pada notis.

Jika bayaran tidak diterima pada tarikh yang ditetapkan pada Notis Terakhir, pelanggaran akan didaftarkan dengan Registri Penguatkuasa Denda, yang melibatkan kos tambahan dan mungkin penggantungan kenderaan/lesen memandu anda.

Butiran anda mungkin juga diterbitkan pada laman web, kenderaan anda mungkin akan disita atau plet nombor ditanggalkan, serta harta anda akan dirampas and dijual.

Berapakah kos tambahan?

Kos tambahan melibatkan pengurusan dan kos pos untuk notis terakhir dan pada masa kini adalah sebanyak \$14.65. Kos tambahan yang lanjut akan dikenakan oleh Registri Penguatkuasa Denda.

Bolehkan saya membuat bayaran secara ansuran?

Tidak, undang-undang menetapkan bahawa bayaran perlu dibuat dengan penuh pada hari tamat tempoh.

Bolehkah saya meminta agar Kod Notis Pelanggaran disemak?

Ya, adjudikasi pelanggaran boleh diminta dengan memohon secara bertulis kepada alamat yang tertulis di laman belakang surat ini.

Bolehkah saya memilih untuk pergi ke Mahkamah dan apa akan berlaku jika saya berbuat demikian?

Anda boleh memilih untuk pergi ke Mahkamah. Anda perlu mengisi bahagian Pilihan Mahkamah pada Notis Pelanggaran dan poskan ke Infringement Management & Operations Unit ke alamat yang tertera pada borang tersebut. Jika anda didapati sabit kesalahan anda akan menerima rekod jenayah untuk kesalahan ini.

Cap jari dan DNA saya telah diambil - apa akan terjadi kepadanya?

Apabila pelanggaran telah dibayar dengan sepenuhnya anda boleh menulis kepada Pesuruhjaya Polis dan meminta agar cap jari atau DNA yang berkenaan dengan insiden dikeluarkan dari databes WA Police.

Bolehkah saya memperolehi Nasihat Peguam?

Ya